

Rabu, 17 November 2021 **BH**

Warga Pakistan dalang palsu dokumen imigresen ditahan

Kuala Lumpur: Seorang lelaki warga Pakistan berusia 37 tahun dipercayai dalang sindiket pemalsuan dokumen imigresen kepada warga asing di negara ini ditahan dalam serbuan oleh Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Jabatan Imigresen di sebuah kondominium di Setapak, dekat sini.

Dia dipercayai menjual lesen memandu, pas lawatan kerja sementara (PLKS) dan visa negara asing dengan bayaran antara RM50 hingga RM500 serta menjadikan bilik di kondominium berkenaan sebagai makmal untuk memproses dokumen palsu terbabit.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud, berkata dalam serbuan Jumaat lalu, pemeriksaan menemui set peralatan komputer, mesin pencetak kad, pelbagai jenis cap perwakilan asing dan lain-lain peralatan yang digunakan dalam aktiviti haram berkenaan.

“Pemeriksaan lanjut turut menemui pelekat PLKS, lesen memandu Malaysia dan visa negara asing siap dicetak yang disusun rapi dipercayai sedia untuk diserahkan kepada pelanggan. Turut

ditemui stok pelekat masih kosong dan wang tunai, RM13,710, disyaki hasil jualan dokumen palsu berkenaan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Khairul Dzaimie berkata, suspek kemudian membawa pasukan operasi ke sebuah kondominium lain di Jalan Genting Klang yang turut disewa untuk kegiatan sama sebelum pemeriksaan di premis itu menemui cap PLKS dan lain-lain cap rasmi palsu Jabatan Imigresen digunakan dalam pemalsuan dokumen.

“Modus operandi suspek adalah menggunakan PLKS sebuah syarikat pembersihan sebagai lesen untuk bergerak bebas bagi menjalankan aktiviti ini. Suspek juga dikesan menyewa beberapa kondominium mewah yang mempunyai akses terhad serta kawalan keselamatan ketat bagi menyukarkan siasatan dan dikesan pihak berkuasa.

“Sindiket dikesan menjalankan kegiatan ini sejak setahun lalu dengan mengenakan bayaran RM300 hingga RM500 setiap pelekat PLKS bergantung pada kualiti dikehendaki pelanggan. Bagi lesen memandu, bayaran dikenakan RM50,” katanya.